

Tambah kerusi elak persaingan

BH 16 JUL 2000

KANGAR: Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, mencadangkan supaya kerusi Naib Presiden parti ditambah kepada lima berbanding tiga pada masa ini.

Langkah itu, katanya, bagi mengelak persaingan terlalu sengit untuk jawatan ketiga tertinggi dalam hierarki Umno selain memperbanyakkan pilihan di kalangan mereka untuk dilantik sebagai Timbalan Presiden.

Selain tiga Naib Presiden yang dipilih oleh perwakilan, secara automatik Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno juga dikategorikan sebagai Naib Presiden.

“Pelantikan Naib Presiden sudah menjadi tradisi dan saya fikir ia sukar dihapuskan. Oleh itu, jika jawatan terbabit mahu dikekalkan, saya mencadangkan dua lagi kerusi ditambah,” katanya ketika mengulas cadangan Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, supaya jawatan Naib Presiden dimansuhkan kerana pe-

rebutan jawatan itu menimbulkan ketegangan yang boleh melemahkan Umno.

Rafidah berkata, perebutan jawatan itu menjurus kepada politik wang, huru-hara dan kempen yang tidak berkesudahan, sebaliknya pemansuhan dapat mengelak iri hati kerana pemilihan Timbalan Presiden boleh dibuat daripada jumlah calon yang besar (ahli Majlis Tertinggi).

Shahidan yang juga Menteri Besar mengakui kewujudan jawatan Naib Presiden memberi kesan positif serta negatif kepada parti tetapi terpujang kepada Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memutuskannya.

“Pada pendapat saya, apa yang disuarakan Rafidah perlu difikirkan bersama kerana sudah tentu beliau mempunyai pandangan tersendiri sebelum membangkitkan perkara itu.

“Tidak ada benda yang tidak boleh dibincangkan lebih-lebih lagi jika matlamatnya demi kebaikan,” katanya.